



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ اَلْاَھْوَالِ اَلْاِیْمَالِ اَلْاِسْلَامِ نِیْجَرِی سَبَاھ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

28 JAMADILAKHIR 1447H / 19 DISEMBER 2025M

“IBADAH ZAKAT: KEMBALI MENGHAYATI MAKNA DI SEBALIK KEWAJIPAN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama:

Bahagian Zakat & Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾ (البقرة: 43)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala suruhan-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Ketahuilah, salah satu cara atau jalan untuk mencapai nilai takwa ialah melalui ketaatan dalam menunaikan kewajipan ibadah zakat. Justeru, dalam kesempatan pada kali ini, mimbar jumaat akan membicarakan khutbah bertajuk: ***“Ibadah Zakat: Kembali Menghayati Makna Di Sebalik Kewajipan.”***

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ibadah zakat bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Umum mengetahui bahawa menunaikan zakat, sama ada

zakat fitrah mahupun zakat harta adalah wajib dalam ajaran islam. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *“Dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat, rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”*

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Menunaikan ibadah zakat bermakna seseorang itu telah melaksanakan kewajipan agama, membersihkan harta di sisi Allah dan membantu meningkatkan keimanan dan taraf hidup seluruh masyarakat Islam. Namun begitu, tidak sedikit daripada kita yang gagal menyedari nilai sebenar kewajipan ibadah zakat dalam kehidupan. Ada yang menganggap zakat hanya sebuah aktiviti bayaran cukai tahunan versi Islamik tanpa ada sebarang makna dan hikmah. Malah ada yang lebih parah, mereka menganggap zakat sebagai urusan yang tidak penting sehingga mengabaikan tanggungjawab berzakat.

Ketahuiilah, mengabaikan ibadah zakat dengan sengaja merupakan satu dosa besar dan habuannya balasan azab yang pedih. Allah SWT menegaskan melalui firman dalam Surah at-Taubah ayat 34:

... وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: *“... Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Lantaran itu, wajar bagi kita semua untuk kembali menyemai semula benih zakat dalam diri kita. Menyemai benih zakat dalam diri bermaksud, membina kefahaman yang kukuh tentang nilai sebenar zakat, seterusnya mengubah sikap daripada sekadar melaksanakan kewajipan, kepada merasakan zakat sebagai satu keperluan dalam hidup seseorang muslim. Terdapat **dua** nilai utama zakat dalam kehidupan kita, iaitu yang **pertama** nilai dari sudut pembangunan spiritual (agama) dan **kedua** ialah nilai dari sudut pembangunan sosioekonomi umat islam.

Proses penanaman nilai ini, bermula dengan memahami hubungkait antara akidah dan ibadah zakat. Akidah ialah perkara asas yang mengikat umat islam dengan Pencipta-Nya. Sebagai umat islam, pegangan akidah kita ialah kepercayaan teguh yang membentuk pandangan seorang muslim terhadap Allah, rukun-rukun iman, alam semesta, dan tujuan hidup. Akidah menjadi tunjang utama kita melakukan sesuatu perkara. Akidah perlu diikuti dengan ibadah, sebagai satu bentuk pengabdian kepada Allah seperti solat, puasa termasuklah menunaikan ibadah zakat. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 267:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ... ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman keluarkanlah (untuk zakat dan sedekah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu...”*

Melalui ayat ini, al-Quran menyeru kita untuk melaksanakan infak seperti zakat & sedekah dengan ungkapan 'Wahai orang beriman'. Hal ini

menunjukkan kejelasan hubungkait antara iman dan ibadah zakat. Menunaikan ibadah zakat bermakna seseorang itu telah membuktikan keimanannya dan membangunkan rukun-rukun islam dalam dirinya. Sebuah hadis daripada Ibnu Umar R.A, Rasulullah SAW bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحُجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Islam terbina atas lima perkara: Penyaksian bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu utasan Allah, mendirikan solat, **menunaikan zakat**, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadan.”
(HR Bukhari dan Muslim)

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Zakat bukan sahaja ibadah spiritual, tetapi juga sistem agihan kekayaan yang memberi impak besar kepada pembangunan sosioekonomi ummah. Zakat memastikan golongan kurang berkemampuan tidak terpinggir dalam arus kehidupan. Melalui zakat, keseimbangan sosial dapat dicapai dan jurang kekayaan dapat dikecilkan. Allah SWT menjelaskan lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat dalam firman-Nya dalam surah at-Taubah ayat 60:

* إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang

berutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan.”

Ketetapan ini memastikan zakat diagihkan secara strategik dan berstruktur. Bukan sekadar pemberian rawak yang mungkin hanya menyelesaikan masalah sementara. Apabila zakat disalurkan secara sistematik, ia membantu membina ketahanan ekonomi, mengukuhkan institusi keluarga, serta memupuk budaya saling menyokong dalam kalangan masyarakat. Untuk pengetahuan jemaah sekalian, pihak Bahagian Zakat & Fitrah (MUIS) telah mengagihkan sebanyak lebih kurang **RM170 juta** harta zakat kepada golongan asnaf di negeri Sabah sepanjang tahun 2025. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya sistem zakat dalam membantu golongan asnaf mendepani cabaran hidup khususnya di negeri Sabah yang tercinta.

SIDANG JAMAAH YANG DIREDAI ALLAH,

Kesimpulan khutbah pada kali ini, marilah kita renung kembali makna disebalik kewajipan menunaikan ibadah zakat. Nescaya akan kita temui nilai sebenar zakat yang menjadi tunjang kepada pembangunan spiritual dan sosioekonomi umat islam. Sempena Kempen Zakat Akhir Tahun 2025 Bahagian Zakat & Fitrah MUIS, mimbar jumaat menyeru kepada kita semua, agar menunaikan ibadah zakat harta di Bahagian Zakat & Fitrah (MUIS) yang merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah. Pihak Bahagian Zakat & Fitrah (MUIS) ada menyediakan perkhidmatan perundingan, pentaksiran dan penerimaan bayaran zakat harta di mana - mana kaunter pungutan zakat di seluruh negeri Sabah. Untuk informasi

yang lebih lanjut, sila kunjungi semua pejabat cawangan BZF MUIS, media sosial rasmi seperti di *Facebook*, *TikTok* ataupun laman web rasmi BZF MUIS. Mudah – mudahan dengan berzakat, kita beroleh rahmat. Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nur ayat 56:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.